

# Hatten Land akan bangunkan taman tema air RM200j di Melaka

Utusan Borneo (Sabah) 9 Aug 2018 [+1 more](#)

KUALA LUMPUR: Hatten Land Ltd, yang disenaraikan di Bursa Singapura, akan membangunkan taman tema air terbesar di Melaka bernilai RM200 juta, dengan kerjasama pengendali pusat peranginan Korea Selatan, Samsung C&T Corporation serta pembekal gelongsor air berpangkalan di Turki, Polin Waterparks.

Menurut Hatten Land yang turut mempunyai ibu pejabat Malaysia di Melaka, projek Splash World @ Harbour City bersaiz 500,000 kaki persegi terletak 14 tingkat di atas paras tanah itu dijangkakan siap pada akhir 2019.

Taman tema air itu akan menjadi antara taman air terbesar di negeri tersebut dan dijangkakan menarik sehingga 5,200 pengunjung sehari selepas ia dibuka untuk orang ramai pada separuh pertama 2020, menurut pemaju hartanah itu dalam kenyataan.

Hatten Land berkata, ia dijangkakan menarik 850,000 hingga sejuta pengunjung setiap tahun selepas tahun pertama operasi.

Splash World @ Harbour City setinggi empat tingkat itu akan terletak di kawasan dek tingkat 14, antara dua menara setinggi 30



tingkat di Harbour City @ Melaka, pembangunan bercampur di Pulau Melaka berbentuk seperti kapal besar.

Ia akan menawarkan pengalaman taman air dalaman dan luaran dengan gelongsor air sepanjang lebih satu kilometer.

Samsung C&T akan menjadi penasihat dan perunding operasi manakala Polin Waterparks akan mereka bentuk dan menghasilkan tarikan gelongsor air.


Hatten Land berkata, taman tema 'udara' pertama dunia itu diharapkan menjadi pemangkin bagi industri pelancongan bandar bersejarah itu.

"Kewujudan taman tema air ini mungkin dapat memanjangkan tempoh purata pengunjung berada di Melaka dan meningkatkan perbelanjaan purata sehari mereka, yang menjadi petanda baik bagi sektor pelancongan," menurut syarikat itu.

Menurut kenyataan itu, Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari kelmarin menyaksikan majlis menandatangani kerjasama antara tiga pihak itu untuk membangunkan Splash World @ Harbour City.

Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Hatten Land, Datuk Colin Tan berkata, Splash World @ Harbour City menekankan komitmen syarikat untuk pembangunan jangka panjang Melaka.

"Kami menjalinkan kerjasama dengan peneraju terkemuka dunia dalam bidang mereka masing-masing – Samsung C&T Corporation dan Polin Waterparks – untuk meletakkan Melaka dalam peta dunia sebagai destinasi yang mesti dikunjungi," katanya dalam kenyataan itu.

 Write a comment...

 Page View  Share  Comment  Save  More

 Bump it  Dump it